

**Tiga Cadangan Persatuan Kami Kepada Pihak Kerajaan Negeri Perak
07-04-2008**

(a) Cadangan Mengenai Pengagihan Tanah Rizab Sekolah Kepada Semua Aliran Sekolah Untuk Tujuan Pembinaan Sekolah

Persatuan kami mencadang supaya pihak kerajaan negeri Perak, dalam aspek perancangan bandar dan desa serta perancangan tanah, melaksanakan satu sistem perancangan dan pembinaan sekolah yang meliputi semua aliran sekolah bersifat *non-profit* supaya tanah simpanan sekolah di setiap taman perumahan boleh digunakan untuk membina sekolah mana-mana aliran sekolah yang diperlukan oleh penduduk di kawasan itu, termasuk sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah menengah persendirian Cina yang bersifat *non-profit*.

Untuk tujuan di atas, persatuan kami mencadang supaya pihak kerajaan negeri Perak mengkaji semula dan meminda rancangan struktur/pelan struktur (*structure plan*), rancangan tempatan/pelan tempatan (*local plan*) dan garis panduan perancangan sekolah.

(b) Cadangan Pengurangan Cukai Tanah Sekolah di Negeri Perak

Persatuan kami berharap kadar cukai tanah yang dikenakan ke atas sekolah-sekolah semua aliran yang bersifat *non-profit* di negeri Perak, termasuk sekolah-sekolah menengah persendirian Cina, dapat ditetapkan pada satu kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) setahun bagi setiap hakmilik, manakala bayaran jumlah tunggakan cukai tanah berkenaan yang sedia ada juga dikurangkan juga kepada kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) setiap tahun sahaja.

(c) Cadangan Pemberian Peruntukan Kewangan Tahunan Untuk Membantu Pembangunan Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina di Negeri Perak

Persatuan kami mencadang supaya dalam belanjawan tahunan, pihak kerajaan negeri Perak mengadakan sejumlah peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah menengah persendirian Cina di negeri Perak untuk membantu mereka membeli kelengkapan dan membangunkan sekolah-sekolah ini.

Jika kerajaan negeri Perak boleh memperuntukkan sebidang tanah yang mencukupi untuk dimajukan supaya hasilnya digunakan semata-mata untuk membiayai perbelanjaan sekolah-sekolah menengah persendirian di negeri Perak, ini akan dapat menyelesaikan masalah kewangan sekolah-sekolah ini secara jangka panjang.